

**KETOKOHAN TUAN GURU HAJI ABDULLAH BIN DAUD AL-HAFIZ DAN
SUMBANGAN BELIAU DALAM BIDANG PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DI
KELANTAN**

Fairuz A. Adi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

fairuz@kuis.edu.my

**Mukramah Mohamad
Mohamad Redha Mohamad**

ABSTRAK

Setiap lapangan ilmu tidak asing dengan kemunculan tokoh-tokoh besar yang memberi impak kepada perkembangan ilmu tersebut. Lebih-lebih lagi dalam bidang al-Quran serta hafazannya. Setiap peredaran zaman tidak sunyi dari watak-watak utama yang memadu tenaga dalam memastikan bacaan serta pendidikan berkaitan al-Quran sampai kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu penulisan ini memberi tumpuan kepada seorang tokoh dalam bidang hafazan al-Quran di Banggol Kulim, Rantau Panjang, Kelantan. Tokoh yang dimaksudkan ialah tuan guru haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz. Artikel ini Bertujuan memperkenalkan beliau sebagai salah seorang tokoh serta sumbangan beliau kepada perkembangan pengajian al-Quran khususnya pengajian Tahfiz al-Quran di Negeri Kelantan Darul Naim. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana data-data kajian diperolehi melalui temubual dan analisis kandungan teks yang mempunyai kaitan dengan tokoh. Kajian mendapati tuan guru haji Abdullah bin Daud al-Hafiz telah memberi kesan besar kepada perkembangan pengajian al-Quran di Kelantan dengan tertubuhnya Pusat Kebajikan Tahfiz al-Quran dan Pengajian agama Islam sebagai sebuah madrasah yang menjadi tumpuan masyarakat membaca dan menghafaz al-Quran serta sebuah tempat yang menawarkan pengajian ilmu-ilmu Islam.

Kata kunci: *Haji Abdullah bin Daud, tokoh al-Quran, al-Quran*

Pendahuluan

Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW secara berperingkat yang mengambil masa selama 23 tahun. Setiap kali turunnya al-Quran kepada baginda ia diarahkan untuk ditulis dan dihafaz. Para sahabat sudah tentunya mengambil peluang keemasan ini sebagai satu bentuk ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Ciri istimewa al-Quran yang tidak terdapat pada kitab samawi lain ialah ianya sentiasa dipelihara melalui janji Allah SWT. Keaslian dan autentiknyanya al-Quran dipelihara melalui penulisan, bacaan dan hafazan sejak zaman Rasulullah SAW, para sahabat, para tabi' dan tabiin dan berterusan sehingga ke hari ini. Di Malaysia khususnya, telah banyak ditubuhkan pusat-pusat pengajian tahfiz dan al-Quran melalui kerajaan mahupun oleh pihak swasta sebagai satu bentuk penjagaan, dalam masa yang sama memberi peluang setiap generasi umat islam meraih pahala menghafaz ayat-ayat al-Quran

Kertas kerja ini memfokuskan kepada seorang tokoh dalam bidang al-Quran di negeri Kelantan iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud Al-Hafiz dalam bidang hafazan al-Quran.

Biografi Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud Al-Hafiz¹

Tuan Guru Haji Abdullah bin Daud al -Hafiz dilahirkan pada tahun 1933 di Sungai Pinang Tumpat Kelantan. Beliau merupakan anak pertama daripada empat orang adik-beradik. Dibesarkan di dalam keluarga yang sederhana, namun semangat dan kecintaannya sangat mendalam terhadap ilmu al-Quran menyemarakkan semangatnya untuk mendidik anak-anaknya untuk turut mencintai dan mendalami ilmu al-Quran.

Ayah beliau ialah Haji Daud Bin Awang atau lebih dikenali sebagai Tok Lebai Kampung Datuk Malik dan berasal daripada Kampung Rahmat Rantau Panjang. Manakala ibunya Hajah Munah Binti Abdullah berasal daripada Sungai Pinang Tumpat.

Pada tahun 1961 Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz menamatkan zaman bujangnya dengan pasangannya iaitu Che Rogayah Che Leh ketika beliau berumur 27 tahun.

Hasil perkahwinan mereka, pasangan ini dikurniakan 11 orang cahaya mata iaitu 9 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Tuan Guru Haji Abdullah dan isterinya mendidik anak-anak mereka dengan ilmu agama dan al-Quran yang mendalam. Daripada 11 orang anak mereka, 5 orang daripadanya merupakan hafiz dan hafizah.

Sepanjang hayatnya beliau pernah berkhidmat di beberapa buah tempat pengajian di dalam dan luar negara. Madrasah berhampiran masjid Tanaim yang terletak di Mekah merupakan antara madrasah terawal beliau berkhidmat, di madrasah ini beliau dilantik sebagai guru al-Quran. Jarak antara Masjid Tanaim dengan tempat beliau mengajar ini lebih kurang 1 kilometer sahaja.

Kebanyakan bangsa Melayu yang datang untuk belajar ilmu al-Quran di Mekah akan belajar dengan beliau. Beliau juga turut mengajar bangsa-bangsa lain antaranya bangsa arab badwi sendiri. Oleh sebab beliau mengajar orang-orang badwi ini menjadikan beliau seorang yang berperwatakan tegas dan garang dalam mengajarkan al-Quran.

Setelah 9 tahun berkhidmat sebagai guru al-Quran di sana, beliau kemudiannya berkhidmat di Masjid Bandar Golok juga sebagai tenaga pengajar al-Quran di sana. Selain daripada menjadi tenaga pengajar di sana beliau juga turut mencari pendapatan dengan menjala ikan.

¹ Biografi tuan guru dikumpul melalui temu bual bersama Ustaz Muhsin Abdullah. Anak ke 10 Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz pada 2 Februari 2019 Jam 10.47 pagi.

Di Masjid Bandar Golok beliau telah berkhidmat selama 10 tahun, setelah itu beliau kembali ke Malaysia dan menubuhkan sebuah Madrasah Tahfiz yang di kenali sebagai Madrasah Tahfiz Masjid al-Hidayah yang terletak di Jalan Kubur, Rantau Panjang Kelantan.

Beliau juga merupakan pengasas bagi Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam Banggol Kulim, Rantau Panjang Kelantan yang merupakan kesinambungan daripada Madrasah Tahfiz Masjid Al-Hidayah yang merupakan tapak asal penubuhan tahfiz beliau.

Beliau menghembuskan nafas terakhir pada 8 November 2017 ketika usianya 86 tahun di Kelantan. Beliau merupakan antara ulama paling lama dan berpengetahuan luas di dalam bidang al-Quran

Pendidikan

Tuan Guru Haji Abdullah telah mendapatkan pendidikan awalnya daripada ibu bapanya sendiri. Melalui pendidikan yang diberikan oleh kedua ibu bapanya beliau berjaya membaca al-Quran, menulis jawi serta bahasa arab.

Ketika usianya menginjak remaja beliau menerima pendidikan di Pondok Tuan Guru Haji Umar. Tuan Guru Haji Umar merupakan salah seorang anak murid kepada pejuang tanah air kita iaitu Tok Kenali.

Setelah beberapa tahun mempelajari ilmu agama di Pondok Tuan Guru Haji Umar, beliau kemudiannya meneruskan lagi pembelajarannya di Pondok Bunut Payung Haji Abdullah Tahir. Hampir berpuluh-puluh tahun beliau belajar di pondok ini, akhirnya guru beliau menyarankan untuk beliau menyambung pelajarannya di Mekah al-Mukarramah.

Pada tahun 1951 ketika beliau berumur 18 tahun, beliau meneruskan perjalanan menuntut ilmunya ke Mekah dengan menaiki kapal wap di pelabuhan Pulau Pinang. Selama 3 minggu beliau merantau dengan menaiki kapal wap akhirnya beliau tiba di Mekah.

Di Mekah pada peringkat awalnya beliau belajar di Madrasah Al-Falahiyyah, pada masa yang sama beliau turut menyertai halaqah-halaqah talaqqi kitab di Masjidilharam bersama syeikh-syeikh dan ulama di sana.

Di antara gurunya yang masyhur iaitu Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Talib al-Mandeeli yang merupakan seorang ulama yang terkenal pada era ke 20. Syeikh Abdul Qadir al-Mandeeli merupakan seorang ulama yang berasal daripada Indonesia.

Tuan Guru Haji Abdullah sempat *birtalaqqi* secara *mushafahah* dengan gurunya ini selama lebih kurang 10 tahun. Antara kitab-kitab yang beliau pelajari dengan gurunya ini ialah kitab hadis Sahih Bukhari, kitab *Bulughul Mara'*, Kitab *Riyadh As-salihin*, dan kitab nahu syarah Ibnu Aqil. Selain itu beliau juga turut mempelajari *Arbai'n Nawawi* dan Kitab Sahih Muslim.

Di sana beliau juga turut menghadiri kelas bahasa arab dan hadis yang dikendalikan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Qutbi. Manakala kitab-kitab yang ditulis di dalam jawi seperti kitab Faridhatul Faraid beliau pelajari daripada gurunya Syeikh Wan Ismail al-Fatani.

Selain itu juga beliau turut berguru dengan Syeikh Sayid Alawi Bin Abbas al-Maliki yang merupakan salah seorang ulama dalam bidang hadis pada masa itu. Sayid Alawi Bin Abbas al-Maliki merupakan ayah kepada Syed Muhammad Bin Alawi al-Maliki.

Tuan Guru Haji Abdullah merupakan seorang yang sangat rajin dan gigih dalam menuntut ilmu, beliau sanggup berulang alik di antara rumahnya di Rusafah ke Masjidilharam yang jaraknya mencecah 2 hingga 3 kilometer untuk menuntut ilmu daripada gurunya Syeikh Alawi al-Maliki pada setiap minggu.

Setelah mendalami ilmu-ilmu di dalam bidang hadis dan feqah beliau kemudiannya meneruskan lagi pembelajarannya di dalam bidang al-Quran dan qiraat. Beliau telah mengambil masa selama satu tahun sahaja untuk menghafaz al-Quran di Masjidilharam Mekah. Setelah beliau mengkhatamkan al-Quran dengan gurunya yang berasal daripada india beliau kemudiannya meneruskan lagi pembelajarannya di dalam bidang qiraat. Antara guru yang mengajarkan ilmu qiraat kepada beliau ialah Syeikh Ismail Awang Kecik.

Syeikh Ismail Awang Kecik merupakan seorang yang berbangsa Melayu dan mahir dalam bidang qiraat. Ini kerana beliau turut menuntut ilmu daripada salah seorang ulama yang terkenal dalam bidang qiraat iaitu Syeikh Ahmad Yazid.

Tuan Guru Haji Abdullah turut mempelajari beberapa bacaan imam qiraat secara bersناد daripada gurunya Syeikh Ismail Awang Kecik. Antara qiraat yang beliau dapat daripada gurunya ini ialah qiraat Warsy dan Qalun daripada imam Nafi'. Selain itu, beliau turut mendapat sanad bacaan Ibnu Amir, Hamzah dan Syu'bah daripada gurunya ini.

Selain daripada Syeikh Ismail Awang Kecik, beliau turut mempelajari ilmu qiraat ini dengan gurunya iaitu Syeikh Abdul Rauf Maree'. Beliau telah mendapat sanad qiraat Warsy riwayat Nafi dan qiraat Susi riwayat Abu Amru.

Selain guru-gurunya di Mekah Tuan Guru Haji Abdullah turut belajar dengan salah seorang gurunya di Madinah, iaitu Syeikh Hassan Pakistani.

Setelah 23 tahun mendalami ilmu-ilmu agama di sana dan mengajarkannya di sebuah madrasah di sana beliau akhirnya pulang ke Malaysia untuk berbakti di Tanah airnya sendiri.

Keperibadian

Sebagai seorang tokoh yang banyak menyumbangkan jasa dalam bidang al-Quran dan agama beliau semestinya mempunyai sifat-sifat yang terpuji serta disegani oleh masyarakat. Hasil temubual bersama anak dan menantu Tuan Guru Haji Abdullah, penulis merumuskan sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh tuan guru adalah seperti di bawah:

i. Seorang Yang Berdisiplin Dan Komited

Beliau seorang yang sangat komited dalam menjalankan kelas-kelas pengajian di pusat tahfizya. Menurut menantunya iaitu Ustaz Yunus Daud, Tuan Guru Haji Abdullah sentiasa mengadakan kelas al-Quran kepada pelajar-pelajar di madrasahnyanya walaupun dalam keadaan beliau kurang sihat.

ii. Seorang Yang Alim Dan Tegas Dalam Mengajar

Tuan Guru Haji Abdullah juga terkenal dengan sifatnya yang tegas dalam mengajarkan al-Quran tidak kira sama ada di kalangan pelajarnya mahupun masyarakat tempatan. Antara faktor beliau mempunyai sifat yang tegas ini kerana ketika zaman mudanya beliau turut mengajarkan al-Quran kepada bangsa arab badwi dan bangsa-bangsa lain.

Namun ketika luar daripada waktu pembelajaran beliau amat rapat dengan para pelajarnya. Beliau melayan pelajarnya seperti rakan-rakan beliau sendiri.

iii. Seorang Yang Dermawan

Tuan Guru Haji Abdullah merupakan seorang yang amat pemurah dan dermawan, buktinya jika ada bekas pelajarnya yang ingin menyambung pelajaran di tempat lain contohnya di sekolah

pondok di Thailand beliau akan menanggung kos pembelajaran anak muridnya di sana sehingga tamat pembelajaran.

Selain itu juga, sifatnya yang dermawan ini dibuktikan lagi dengan penubuhan Pusat Kebajikan Tahfiz al-Quran dan Pengajian Agama Islam yang terletak di Banggol Kulim di atas tanah pusaka yang diberikan oleh ayahnya kepada beliau.

Sumbangan Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud Al-Hafiz²

Tuan Guru Haji Abdullah merupakan seorang ulama dalam bidang al-Quran yang banyak memberikan sumbangan di dalam masyarakat. Antara sumbangan yang terbesar yang dapat dilihat sehingga kini ialah penubuhan Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran Dan Pengajian Agama Islam Rantau Panjang (PKTAQPAI). Beliau merupakan seorang yang menitik beratkan kelancaran hafazan dan tajwid dalam pembacaan al-Quran. (Mawardi Che Hasan 2010)

Dengan penubuhan pusat tahfiz ini amat membantu masyarakat setempat untuk mendapatkan khidmat imam terawih dan majlis-majlis kemasyarakatan yang lain seperti majlis tahlil dan solat jenazah.

Selain itu, Tuan Guru Haji Abdullah juga turut menanggung kos untuk para pelajar PKTAQPAI menyambung pembelajaran di luar daripada PKTAQPAI terutamanya di pondok-pondok

Dengan pengalaman yang ada pada beliau selama 23 tahun di Mekah di dalam pengajian al-Quran beliau telah beberapa kali memberikan khidmatnya sebagai juri bahagian tajwid dan fasahah bagi majlis tilawah dan hafazan al-Quran.³

Selain berkhidmat sebagai pengetua dan tenaga pengajar di PKTAQPAI beliau juga turut berkhidmat sebagai tenaga pengajar al-Quran di beberapa buah masjid sekitar Rantau Panjang di bawah kelolaan Biro Dakwah Kerajaan Negeri Kelantan selama 3 tahun iaitu pada tahun 1973 hingga 1975 (Mawardi Hasan 2010)

Beliau juga turut mendapat tawaran mengajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Masjid Muhammadi Kota Baharu, yang merupakan salah sebuah Maahad Tahfiz dibawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Daripada tahun 1991 hingga 2001 beliau menabur bakti sebagai tenaga pengajar di sana, beliau telah berkhidmat selama 10 tahun bagi mendidik para pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Masjid Muhammadi tersebut.

Selain kerja-kerja rasmi sebagai tenaga pengajar bagi kedua-dua pusat tahfiz tersebut, beliau turut mendapat tauliah bagi mengajar agama di masjid-masjid sekitar Rantau Panjang.

Beliau memperuntukkan waktu paginya untuk mengajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Masjid Muhammadi manakala waktu petangnya untuk mengajar para pelajar di Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam. Seterusnya waktu malamnya digunakan untuk mengajar ilmu-ilmu agama kepada masyarakat di masjid-masjid.

Selain daripada bergiat aktif di dalam bidang pengajaran al-Quran, Tuan Guru Haji Abdullah juga turut membuat beberapa buah buku tentang ilmu tajwid dan panduan bagi mereka yang ingin menghafaz al-Quran, kerana bagi Tuan Guru Haji Abdullah ilmu yang dimilikinya harus disampaikan kepada orang lain.

Antara buku yang ditulis oleh beliau dan pernah diterbitkan ialah Pendahuluan Ilmu Tajwid Bagi Bakal Qari Dan Qariah. Buku ini diterbitkan pada tahun 1965 oleh pencetak Al-

² Temu bual bersama Ustaz Yunus Daud. Pengurus pentadbiran dan tenaga pengajar Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam Rantau Panjang Kelantan Darul Naim pada 3 Februari 2019. Jam 11.39 pagi

³ Temu bual bersama Ustaz Muhsin Abdullah.

Ahliyyah di Kota Baharu Kelantan. Buku ini membincangkan tentang ilmu tajwid yang perlu ada bagi qari dan qariah.

Selain buku tersebut, terdapat beberapa buah lagi buku yang ditulis oleh beliau. Namun, oleh sebab tiada pihak yang sanggup menterjemahkan buku tersebut daripada bahasa arab ke bahasa Melayu dan tiada pihak yang sanggup untuk menerbitkan buku tersebut maka buku tersebut tidak dapat diterbitkan.

Kebanyakan karya-karyanya berkisarkan tentang ilmu al-Quran seperti tajwid dan sebagainya. Kefahamannya yang mendalam dan kecintaannya terhadap ilmu al-Quran mendorong beliau untuk menulis buku-buku yang berkait dengan ilmu tersebut.

Hasrat utama beliau dalam menulis buku-buku tersebut adalah supaya para pembacanya dapat membaca dan menghafaz al-Quran mampu untuk membaca al-Quran dengan baik dan betul.

Kini, hasil penulisan beliau dijadikan panduan kepada pelajar PKTAQPAI. Beberapa buah buku yang dikarangnya menunjukkan beliau seorang tokoh yang mengambil berat dalam pengajian ilmu al-Quran.

Kehidupan beliau terus diisi dengan melakukan amal jariahnya yang berpanjangan iaitu menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat dan menyumbangkannya kepada negeri dan negara.

Anugerah Yang Diterima Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud Al-Hafiz

Dengan segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan oleh beliau dalam mendidik keluarga dan masyarakat Rantau Panjang khususnya, serta pengalamannya yang luas di dalam bidang hafazan al-Quran telah melayakkan beliau menerima gelaran Tokoh Tahfiz Terkenal di Negeri Kelantan (Mawardi Che Hasan 2010).

Selain itu juga beliau turut menerima anugerah Tokoh Hafiz Cemerlang pada tahun 2009 oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK). Anugerah ini disampaikan sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibnu Almarhum Sultan Yahya Petra iaitu merupakan Sultan Kelantan ketika itu.

Beliau juga turut tersenarai sebagai salah seorang ulama alam Melayu di Nusantara. Ketokohan dan keilmuan beliau di dalam bidang agama dan bidang al-Quran khususnya dikagumi ramai pihak.

Ketokohan beliau dengan kepelbagaian ilmu yang beliau perolehi sepanjang pengajian beliau melalui suasana pondok dan pengajian timur tengah telah menjadikan beliau seorang yang disegani dan dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran Dan Pengajian Agama Islam Rantau Panjang

Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran Dan Pengajian Agama Islam Banggol Kulim (PKTAQPAI) adalah pusat tahfiz yang dikendalikan oleh pihak persendirian. Pada peringkat awal penubuhannya pusat tahfiz ini dikenali dengan nama Madrasah Masjid Al-Hidayah, Rantau Panjang Kelantan. Madrasah Masjid Al-Hidayah ini ditubuhkan pada tahun 1998⁴ oleh Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz.

Sebelum penubuhan ini, Tuan Guru Haji Abdullah pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Masjid Golok, Thailand. Setelah kembali ke Malaysia beliau menubuhkan pusat tahfiz yang di namakan Madrasah Masjid al-Hidayah yang terletak di bandar Rantau Panjang Kelantan.

⁴ Temu bual bersama Ustaz Yunus Daud.

Madrasah ini hanya mampu menampung 70 orang untuk satu masa sahaja pada ketika itu, ruang pengajian dan ruang penghafazan di lakukan di tingkat dua masjid tersebut, manakala bahagian bawah masjid di jadikan tempat khas bagi menunaikan solat.(Mawardi che Hasan 2010)

Asrama pelajar pula terletak di sebelah Masjid al-Hidayah. Terdapat sebuah bilik khas bagi tujuan pengurusan untuk pelajar membayar yuran dan lain-lain yang terletak di penjuru bahagian asrama pelajar. Pelajar yang telah mendaftar sebagai penuntut di madrasah ini wajib untuk menetap di asrama yang disediakan oleh pihak pengurusan.

Bermula pada tahun 2007 Madrasah Masjid al-Hidayah yang terletak di Jalan Kubur telah di pindahkan ke Banggol Kulim, Rantau Panjang Kelantan dan dikenali sebagai Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pusat Pengajian Agama Islam (PKTAQPAI). Tanah peninggalan arwah ayah kepada Tuan Guru Haji Abdullah, iaitu Tuan Haji Daud Bin Awang yang terletak berhampiran dengan Pondok Banggol Kulim telah di wakafkan untuk tujuan pembinaan pusat tahfiz tersebut. Selain itu juga, sebuah lagi bangunan dua tingkat telah di bina di atas tanah berhampiran yang di beli oleh beliau menjadikan kawasan pusat tahfiz tersebut berkeluasan 830 meter persegi.

Pada awal penubuhan pusat pengajian ini, hanya terdapat 3 orang sahaja pelajar yang belajar di pusat pengajian tahfiz ini. Setelah 20 generasi telah berlalu kini PKTAQPAI telah mempunyai pelajar seramai 180 orang, jumlah pelajar yang mendaftar seramai ini merupakan berkat hasil usaha Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz sendiri.

Sistem Pengajian Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran Dan Pengajian Agama Islam Rantau Panjang

Sistem pengajian yang digunakan oleh pusat tahfiz ini adalah menggunakan sistem pengajian *talaqqi* kitab *turath* dan pengajian hafazan al-Quran sahaja⁵. Selain daripada pengajian kitab *turath* dan pengajian al-Quran serta hafazan tidak terdapat di pusat pengajian ini. Sistem ini bertujuan bagi memastikan para pelajar dapat memberikan fokus dan perhatian yang lebih terhadap bidang hafazan al-Quran.

Pusat Kebajikan Tahfiz al-Quran dan Pengajian Agama Islam ini tidak menetapkan apa-apa syarat yang khusus bagi membolehkan seseorang pelajar menyambungkan pengajian di pusat tahfiz ini yang penting pelajar yang mendaftar benar-benar ingin mendalami ilmu al-Quran dan kitab yang di ajarkan di pusat tahfiz ini.

Antara pra-syarat yang di tetapkan oleh pihak pentadbiran pusat tahfiz hanyalah umur, iaitu pelajar yang berdaftar di pusat pengajian ini mestilah berumur 13 tahun ke atas. Manakala had umur yang paling tua tidak pernah di tetapkan oleh pihak pentadbiran pusat pengajian tahfiz ini. Pelajar yang mendaftar boleh meneruskan pengajian di pusat tahfiz ini selama mana yang pelajar mahu dan selama mana yang pelajar mampu.(Mawardi che Hasan 2010)

Walaupun pihak pentadbiran Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam tidak meletakkan syarat yang khusus untuk memasuki pusat tahfiz ini, namun pihak pentadbiran tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap para pelajarnya yang didapati mempunyai masalah sahsiah. Perkara ini bagi memastikan kualiti pusat tahfiz ini tetap terjaga.

⁵ Temu bual bersama Ustaz Yunus Daud..

Silibus Pengajian al-Quran⁶

Silibus pembelajaran yang ditawarkan di pusat tahfiz ini dibahagikan mengikut beberapa kategori antaranya ialah:

i. Kelas Tahsin al-Quran

Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas ini adalah pelajar yang memperbetulkan bacaan al-Quran dari segi tajwid dan makhraj. Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas ini juga turut menghafaz al-Quran mengikut kemampuan masing-masing

ii. Kelas Tasmi' al-Quran

Kelas tasmi' al-Quran adalah kelas untuk memperdengarkan bacaan al-Quran di hadapan guru setelah melalui proses menghafaz. Kebiasaannya pelajar di pusat tahfiz ini akan memperdengarkan bacaan mereka minimum satu muka surat untuk satu hari.

iii. Kelas Iadah al-Quran

Kelas iadah al-Quran pula menumpukan bacaan al-Quran untuk hafazan yang telah melalui proses tasmi, bacaan iadah hanya diperdengarkan di hadapan guru. Kebiasaan kuantiti yang di baca oleh pusat tahfiz ini adalah sebanyak setengah juzuk untuk satu hari.

Selain daripada pengajian al-Quran, PKTAQPAI turut mewajibkan para pelajarnya untuk mendalami pengajian kitab *turath*. Antara kitab yang di ajarkan di pusat tahfiz ini adalah *Hidayah al-Sibyan* dan *Muniyah al-Musollin*. Pengajian ini bagi memastikan para pelajar turut mendalami ilmu agama yang lain selain daripada ilmu al-Quran.

Menjadi satu fenomena tika ini, banyak pusat-pusat pengajian tahfiz swasta yang menawarkan pengajian tahfiz dan akademik. Namun pihak pentadbiran PKTAQPAI terus komited dalam menjalankan pusat tahfiz ini secara tahfiz sepenuh masa tanpa melibatkan pengajian akademik.

Sebelum pengajian tahfiz sepenuh masa ini dijalankan, pihak PKTAQPAI turut pernah melaksanakan pengajian tahfiz dan akademik secara serentak. Setelah melihat pencapaian para pelajar yang tidak mampu untuk mengikuti pengajian tahfiz dan akademik secara serentak maka pihak pentadbiran PKTAQPAI telah memutuskan untuk menjalankan aktiviti pengajian tahfiz sepenuh masa sahaja.

Antara faktor lain yang menjadikan PKTAQPAI sebagai pusat tahfiz sepenuh masa adalah minat pelajar itu sendiri. Para pelajar di PKTAQPAI lebih minat dan cenderung terhadap bidang al-Quran sahaja.

Walaupun Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam ini hanya menjalankan tahfiz sepenuh masa namun pihak pentadbiran amat menggalakkan para pelajarnya bagi menyertai pertandingan-pertandingan hafazan, tidak kira sama ada di peringkat negeri mahupun antarabangsa.

Pelajar yang terbaik akan dipilih oleh pihak pentadbiran berdasarkan prestasi dan penilaian yang dibuat sebelum menyertai sesuatu pertandingan. Antara penilaian yang diambil kira oleh pihak pentadbiran ialah aspek bacaan, tajwid dan taranum. Pelajar yang terbaik sahaja yang akan di hantar oleh untuk menyertai pertandingan tersebut.

⁶ Temu bual bersama Ustaz Yunus Daud. *Op.cit*.

Kebiasaannya para pelajar yang dihantar ke pertandingan hafazan ini akan mendapat nombor satu hingga tiga mengikut kategori masing-masing. Keadaan ini menunjukkan, walaupun pusat tahfiz ini hanya menjalankan pengajian tahfiz sepenuh masa namun ia tetap mampu berdaya saing dengan pusat-pusat tahfiz yang lain.

Hasil didikan tahfiz yang ditubuhkan ini telah berjaya menjadikan para hafiz dan hafizah yang cemerlang di dalam bidang hafazan al-Quran. Antara pelajar yang berjaya di sini ialah Ahmad Zulkifli Mamat, beliau berjaya mendapat johan di dalam kategori 1 hingga 15 juzuk di peringkat kebangsaan pada tahun 2006. Malah, beliau juga turut memenangi pertandingan hafazan peringkat kebangsaan pada tahun 2007 bagi kategori 1 hingga 30 juzuk (Utusan Malaysia, 2009).

Kecemerlangannya ini diteruskan lagi di peringkat antarabangsa apabila beliau berjaya mewakili Malaysia ke pertandingan peringkat antarabangsa yang diadakan di Mesir. Beliau mendapat tempat ke 6 daripada 60 orang penyertaan seluruh negara. (Utusan Malaysia. 2009)

Kehebatan beliau di dalam bidang hafazan al-Quran turut diakui oleh Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz sendiri sebagai pengetua pusat tahfiz ketika itu. Menurut Tuan Guru Haji Abdullah, Ahmad Zulkifli seorang yang sangat arif dalam hafazan al-Quran, sehingga seandainya diambil sebahagian daripada ayat al-Quran Ahmad Zulkifli mampu untuk menyambung dan membaca ayat tersebut dengan baik.

Bagi kategori perempuan pula Hasnah Binti Haji Abdullah iaitu anak kepada Tuan Guru Haji Abdullah sendiri berjaya memperoleh johan bagi pertandingan hafazan peringkat kebangsaan, kategori 1 hingga 15 juzuk pada tahun 2005. Pada tahun 2009, Nor Hidayah Shafie pelajar Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam sekali lagi mendapat johan bagi kategori 1 hingga 15 juzuk di peringkat kebangsaan bagi kategori perempuan.

Hasil kemenangan yang diperoleh daripada pertandingan tersebut menjadikan pusat tahfiz ini lebih masyhur dan menjadi sebutan di kalangan masyarakat.

Sehingga kini Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam masih meneruskan sistem pengajian tahfiz sepenuh masa dan menghantar pelajar-pelajarnya untuk menyertai pertandingan hafazan al-Quran di pelbagai peringkat. Dan ia amat di sambut baik oleh masyarakat setempat. Kini PKTAQPAI masih banyak menerima tawaran permohonan kemasukan daripada masyarakat setempat yang ingin menghantar anak-anak mereka mengikut sistem hafazan sepenuh masa di sini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan bagi perbincangan ini, jasa Tuan Guru Haji Abdullah terhadap masyarakat khususnya dalam mengembangkan lagi Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam ini merupakan suatu usaha yang sangat murni. Beliau sanggup menjadikan tanah peninggalan arwah ayahnya sebagai pusat perkembangan tahfiz di Rantau Panjang. Segala ilmu dan tenaga yang beliau ada turut disumbangkan kepada masyarakat bagi memastikan masyarakat hidup dalam keadaan celik al-Quran. Usahnya tersebut kini telah menampakkan hasil dengan lahirnya beratus-ratus hafiz dan hafizah daripada pusat tahfiznyanya itu.

Rujukan

Azmil Hashim et.al. 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1. 28-39.

- Majalah Qiadah. 1430 Hijrah. Kecintaan al-Quran Lahirkan Tujuh Huffaz. Rejab.
- Mohd Mawardi Bin Che Hassan. 2010. Faktor Yang Mendorong Pelajar Mengikuti Aliran Tahfiz Sepenuhnya : Kajian Di Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran & Pengajian Agama Islam (PKTAQPAI) Banggol Kulim Rantau Panjang Kelantan. Universiti Teknologi Malaysia. Mustaffa.2010.
- https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=http://studentsrepo.um.edu.my/5216/3/BAB_2-HAFAZAN_AL-QURAN-28_April_2010-SubmiteD.pdf&ved=2ahUKEwjI0fbKltzZAhUI448KHSGqAdIQFjAAegQICBAB&usg=AOvVaw3pFfsiN4mxttn21-ojssFN. 8 Mac 2018.
- Najmiah Omar dan Zulkifli@ Md Yaakub. 2016. Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. 13. 105 – 117.
- Temu bual bersama Ustaz Muhsin Abdullah. Anak ke 10 Tuan Guru Haji Abdullah Bin Daud al-Hafiz pada 2 Februari 2019 Jam 10.47 pagi.
- Temu bual bersama Ustaz Yunus Daud. Pengurus pentadbiran dan tenaga pengajar Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Agama Islam Rantau Panjang Kelantan Darul Naim pada 3 Februari 2019. Jam 11.39 pagi.
- Utusan Malaysia. 2009. Khidmat Imam Muda Tarawih. September.
- Utusan Malaysia. 2009. Membentuk Keluarga Hafiz. September.